

**Kerajaan Komited Galak Penyelidik Buat Kajian Bermutu - TPM
Bernama
11 September, 2011**

IPOH, 11 Sept (Bernama) -- Kerajaan cukup komited terhadap usaha menggalak para penyelidik dan saintis di Malaysia bagi membuat kajian bermutu untuk membantu negara terus berkembang pesat, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata bidang sains telah disedari sebagai bidang yang perlu diberi perhatian serius oleh banyak negara-negara yang maju dan sedang membangun.

"Malaysia juga mahu para saintis muda daripada generasi baru negara untuk terus menyala semangat bergiat secara berterusan bagi menghasilkan penemuan berguna bukan sahaja kepada negara tetapi juga kepada masyarakat sejagat," katanya dalam ucapan penutupan Ekspo Perak Bagi Saintis Muda bertemakan Inovasi Sains dan Teknologi bagi Kelestarian Alam Sekitar di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Pelajaran Dr Puad Zarkashi yang mewakili beliau.

Muhyiddin berkata adalah tidak mustahil negara dapat melahirkan tokoh-tokoh sains seperti Albert Einstein dan Isaac Newton di kalangan generasi muda satu ketika nanti.

Beliau berkata bidang sains memang menjadi asas kepada inovasi yang diperlukan oleh mana-mana negara di dunia ini.

"Saya ingin membawa perhatian saudara saudari kepada satu persidangan yang dipanggil "The Global Innovation Index Conference 2011" yang diadakan di Geneva, Switzerland pada 30 Jun lepas. Banyak perkara yang dibincangkan mengenai impak sains kepada dunia. Tetapi satu perkara menarik ialah perbincangan mengenai transformasi yang telah berlaku terhadap negara-negara Teluk Arab," katanya.

Contohnya negara Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah membuat pelaburan besar dalam pelbagai teknologi baru selain daripada bergantung kepada hasil minyak dan dalam tempoh kurang seabad, negara Arab seperti UAE telah berubah wajah dari negara padang pasir kepada negara moden, katanya.

Beliau berkata mereka mahu membuktikan kepada dunia bahawa mereka bukanlah kaya kerana mempunyai suatu padang minyak yang besar tetapi mampu maju dengan ilmu sains dan teknologi.

"Di Malaysia juga, kita telah mengorak langkah terhadap gerakan transformasi agar negara mempunyai lebih daya saing serta mempunyai keupayaan untuk lebih maju terutama dari segi perkembangan ekonomi. Kita telah melancarkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada 21 September 2010," katanya.

Muhyiddin berkata asas perkembangan sektor-sektor yang dikenal pasti dalam ETP ini adalah sumbangan sains dan teknologi terhadap pembangunan ekonomi.

Kerajaan telah lama memberi tumpuan terhadap sumbangan sains dan teknologi kepada

pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui pewujudan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), katanya.

"Bagi para penyelidik dewasa dari badan-badan awam dan swasta seperti dari universiti dan agensi penyelidikan, MOSTI telah lama menawarkan geran-geran penyelidikan bagi mereka menjalankan kajian-kajian yang dapat memberi sumbangan kepada negara. Geran-geran penyelidikan ini diberi melalui skim-skim tertentu seperti Dana Sains, Dana tekno dan Dana IRPA," katanya.

Ekspo anjuran bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, K-Perak Implementation and Coordination Corporation (KPerak), Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi antaranya bertujuan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran sains, matematik dan teknologi di kalangan pelajar dan orang ramai ke arah mengurus serta mengekalkan kesejahteraan alam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=612705>